

**PM, isteri tak perlu hadir jadi saksi kes liwat Anwar**  
**Utusan Online**  
**September 25, 2011**

KUALA LUMPUR 24 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor tidak perlu hadir ke mahkamah untuk menjadi saksi dalam kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana mereka berdua langsung tidak terlibat, tidak bersalah serta tiada kaitan dalam kes tersebut.

Naib Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Datuk Irmohizam Ibrahim berkata, tindakan peguam Ketua Pembangkang itu dilihat lebih bersifat politik dan bukannya mahu mencari kebenaran.

"Terdapat tiga persoalan yang mengelirukan apabila Najib dan Rosmah dipanggil untuk menjadi saksi kes itu. Pertama, kalau kedua-dua mereka terlibat, sepatutnya pihak pendakwa telah memanggil sebagai saksi pendakwa.

"Kedua, Najib dan isteri sudah selesai ditemubual sebelum ini di mahkamah Jalan Duta oleh peguam Anwar dan yang ketiga mengapa perlu hanya mereka berdua disapina dan bukan Tan Sri Musa Hassan serta lain-lain?" katanya dalam kenyataannya di sini hari ini.

Khamis lalu, Mahkamah Tinggi menetapkan 29 September ini untuk mendengar permohonan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isterinya bagi mengetepikan sapina yang menghendaki mereka menjadi saksi pembelaan dalam perbicaraan kes liwat melibatkan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0925&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_19.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0925&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_19.htm)